

UCAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN AM PADA PEMBUKAAN
RESMI MESYUARAT AGUNG MAJLIS PUSAT KEBAJIKAN YANG
KE 25 PADA 5HB SEPTEMBER, 1972 JAM 10.30 PAGI
DI NO. 2A, LORONG LORNIE KIRI, OFF JALAN LORNIE,
KUALA LUMPUR.

Saya berasa amat sukacita kerana telah dijemput untuk meresmikan Mesyuarat Agung Ke 25 Majlis Pusat Kebajikan Malaya pada pagi ini kerana perkembangan dan kemajuan Badan-badan Kebajikan Sukarela memanglah satu-satu perkara yang sentiasa ada dalam pandangan dan perhatian saya.

Terlebih dahulu saya hendak melafazkan ucapan dan perasaan dukacita saya yang tidak terhingga, terhadap kehilangan Encik Joseph Siow Loong Hin, yang telah menjadi Pengerusi Majlis ini beberapa tahun yang lampau. Beliau telah meninggal dunia ketika mencapai kemuncak kerjaya hidupnya, setelah sekian lama menyumbangkan tenaga dan usaha beliau untuk kebajikan masyarakat. Saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kementerian saya sanjung tinggi sumbangan-sumbangan beliau kepada perkhidmatan kebajikan am bukannya di negeri ini bahkan juga dalam lapangan di peringkat antarabangsa, seperti di dalam Persidangan-persidangan dan Seminar-seminar, di mana beliau mewakili Majlis Pusat Kebajikan Malaya. Saya percaya Mesyuarat tuan-tuan pada pagi ini akan mencatatkan perkhidmatan-perkhidmatan dan jasa-jasa baik Encik Joseph Siow Loong Hin terhadap kerja-kerja kebajikan sukarela, di negeri ini.

Sekarang saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Pusat Kebajikan Malaya atas usahanya mendapatkan derma sebanyak \$150,000/- dalam tahun yang lalu. Usaha ini sangatlah tepat dan kena pada masanya kerana badan-badan sukarela yang besar seperti pertubuhan tuan-tuan/puan-puan ini tidak seharusnya bergantung semata-mata kepada pertolongan Kerajaan untuk menjalankan kewajipan-kewajipannya.

Pada tahun-tahun yang lampau, lebih banyak badan-badan sukarela telah tumbuh atau ditubuhkan di negara ini. Dengan itu juga permohonan-permohonan kepada Kerajaan untuk bantuan-bantuan kewangan telah bertambah-tambah lagi. Oleh itu, maka bolehlah dijangkakan bahawa Kerajaan tidak akan dapat memberi peruntukan yang serupa banyaknya, dari tahun demi tahun kepada sesuatu pertubuhan, walaubagaimana cekap dan majunya pertubuhan itu sekalipun. Oleh yang demikian, Majlis Pusat Kebajikan ini mungkin harus dipinta

menampung sendiri sebahagian yang lebih besar daripada jumlah perbelanjaan rancangan-rancangannya, yang bermakna usaha ke arah menambahkan Tabung Kewangan bagi Majlis ini akan bertambah perlu lagi di masa akan datang. Satu-satu usaha yang Majlis ini perlu memikirkan ialah strategi mengumpul dan menyimpan wang dalam investment-investment yang akan memberi pendapatan tetap, supaya selepas tempoh sepuluh tahun atau lima belas tahun kelak, Majlis ini dapat menjalankan kegiatan-kegiatannya tanpa bantuan daripada Kerajaan.

Mengenai bantuan Kerajaan, saya sukalah menekankan bahawa badan-badan sukarela yang menerima bantuan daripada Kerajaan sayugia diawasi perjalanannya oleh Kementerian saya, terutama sekali jika bantuan yang diberi oleh Kerajaan itu besar, seperti bantuan yang diberi oleh Kerajaan kepada Majlis Pusat Kebajikan sekarang ini. Kementerian saya telah ditugaskan untuk mengambiltahu bahawa wang bantuan yang diberikan kepada badan-badan sukarela itu sebenarnya digunakan mengikut maksud yang tertentu. Oleh itu saya memohon Majlis ini serta cawangan-cawangan Majlis ini diperingkat negeri dan daerah supaya senantiasa memberi kerjasama yang penuh kepada Pegawai-pegawai Kementerian saya dalam hal ini. Penyeliaan ini janganlah dianggap sebagai suatu gangguan atau campur tangan tetapi sebaliknya sebagai untuk mencapaikebaikan bersama.

Salah satu daripada perkara-perkara yang diuruskan oleh mendiang Encik Siow ialah memilih seorang yang berijazah untuk memegang jawatan sebagai Setiausaha supaya pengurusan Majlis ini dapat berjalan dengan lebih kemas. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan semua dapat memberikan sokongan dan bimbingan yang diperlukan oleh Setiausaha itu di dalam tugasnya menyediakan suatu struktur pentadbiran yang lebih teratur. Apabila struktur ini telah terwujud, saya harap Majlis ini dapat mengkaji kesemua rancangan-rancangannya, membuat kos satu-satu rancangan itu dengan menggunakan teknik-teknik kewangan yang telah dipakai, serta menyimpan rekod kesemua perangkaan atau statistik yang lengkap untuk digunakan kelak dalam penilaian samada satu-satu rancangan itu berfaedah atau tidak.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh Majlis tuan sekarang ini adalah dalam suasana amat berbeza dari perkhidmatan yang diberi dua puluh lima tahun dahulu. Sekarang kita telah mempunyai banyak pertumbuhan-pertumbuhan kebajikan sukarela yang masing-masing bergiat di dalam lapangan-lapangan yang tertentu, seperti Persatuan untuk Orang Buta, Persatuan Kanak-Kanak Spastik, Persatuan bagi Pesakit-pesakit Kusta, Persatuan Pencegahan T.B. dan lain-lain. Dalam pada itu pula, Kementerian saya juga telah meluaskan perkhidmatan-perkhidmatannya untuk memenuhi keperluan yang tidak ada dalam tahun 1947. Oleh kerana itu mungkin sudah sampai masanya untuk Majlis ini memperhitungkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberi selama suku abad ini dan

mengkeritik serta menanyakan diri sendiri soalan-soalan seperti berikut:- Perluakah kita meneruskan perkhidmatan-perkhidmatan seperti perkhidmatan yang kita uruskan ini - Jika perlu, haruskah kita menjalankan perkhidmatan itu secara yang dijalankan sekarang. Jika tidak perlu, adakah langkah-langkah atau projek-projek lain yang boleh kita jalankan. Haruskah kita menumpukan rancangan-rancangan semata-mata kepada lapangan-lapangan yang khusus sahaja supaya kita dapat memberi sumbangan yang lebih sempurna dan mendalam, dan tidak bertindan dengan rancangan-rancangan ajensi lain.

Saya berharap tuan-tuan/puan-puan akan dapat menyediakan satu stratiji yang berkesan dan lengkap untuk masa suku abad yang akan datang supaya perkhidmatan dan sumbangan Majlis ini akan beroleh lebih kejayaan dan kepujian.

Dengan itu, saya resmikan pembukaan Mesyuarat Agung Majlis Pusat Kebajikan Yang Ke 25 ini.